

RIWAYAT HIDUP ULAMA ISLAM YANG KEBILANGAN

IMAM AL-SHAFI'Ī

PEMBENTUK ILMU USŪL AL-FIQH

Dalam bahagian yang keud aini, al-Ustādh ‘Abdul Ḥamīd Sāmī Biyūmī, menghuraikan tentang cara Imam Shafi‘ī berijtihad dan menjalankan qiyas – P.

(II)

Berkeanaan ijmak, Imam Shāfi‘ī berkata: “Asal (peganganku) itu ialah Quran dan sunnah, jika tidak ada punca yang tersebut maka dikiaskan atas keduanya; dan apabila hadis itu berhubung terus kepada Rasulullah dan sah sanadnya daripadanya maka itulah dia sunnah; dan ijmak itu pula lebih besar daripada *khobar al-mufrad* dan hadis menurut zahirnya, dan apakala ia diihtimalkan kepada beberapa makna maka makna yang menyerupai zahirnya itulah yang lebih aulā dengannya; dan apakala hadis-hadis itu mempunyai darjat yang sama maka yang lebih sah sanadnya itulah yang lebih ula digunakan antara lain-lainnya; hadis yang terputus sanadnya tidaklah berharga (bagi dijadikan alasan) dikecualikan hadis terputus Daripada Ibnu al-Masīb; jangan dikiaskan sesuatu asal (punca hukum) atas asal yang lain, dan jangan dikata bagi asal (punca hukum) itu: mengapa dan bagaimana, tetapi hendaklah dikata bagi cawangan hukum (*al-furu’*) itu: mengapa? (*) maka apabila sah kiasnya atas asal

(*) Yakni “asal” atau “punca hukum” yang sudah sah datangnya daripada quran dan sunnah tidak boleh dikata: mengapa diperintahkan begitu? atau bagaimana rahsianya hukum itu? Tetapi kata-kata “kenapa dan bagaimana” itu hendaklah digunakan kepada cawangan-cawangan atau “furu” hukum agama itu – P.

hukum itu, sahlah ia dan terdirilah hujah dengan dia”.

Imam Shafi‘ī berkata lagi:

“Apabila seorang periwayat hadis yang dipercayai (*thiqqah*), meriwayatkan hadis daripada Rasulullah ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam, dan tidak ada pula lain hadis yang menyalahinya, bolehlah beramal dengannya; tetapi jika ada lain-lain hadis yang bersalahan-bersalahan hendaklah disiasat adakah diantaranya hadis-hadis *nasakh* dan *mansūkh*? Jika tiada *nasakh* dan *mansukh* hendaklah dipilih riwayat yang kuat sekali sah dan benarinya, dan beramallah dengannya; dan apabila hadis-hadis tersebut setara dan sama hendaklah diperbandingkan dengan usul al-Quran dan sunnah yang thabit, setelah itu beramallah dengan hadis-hadis yang sehampimya-hampimya kepada yang demikian itu (yakni kepada Quran dan sunnah – P); dan apabila hadis telah thabit daripada Rasulullah janganlah dikebelakangkan hadis yang tersebut kerana digantikan oleh sebarang qiyas atau oleh sebarang fikiran atau oleh sebarang asir yang diriwayatkan oleh sahabatnya walau siapa pun jua, atau oleh seorang daripada tabiin walau siapa pun jua.”

-Ḍuhā al-Islām, juzuk yang kedua.

Perdiriannya Terhadap Qiyas

Imam Shafi‘ī telah mengambil pedirian yang pertengahan dalam perkara qiyas: tidak berkeras sangat menolaknya seperti Imam Mālik, dan tidak berleluasa menggunakannya seperti Imam Abū Ḥanīfah.

Berkenaan soal “qiyas” ini, Imam Shafi‘ī berkata: “Bahwasanya punca ilmu agama itu ialah al-Kitab (al-Quran), al-Sunnah, al-ijmak dan al-Athar (kata-kata sahabat), kemudian al-qiyas atasnya (yakni kemudian daripada itu baharu dijalankan qiyas atas keempat-empat – P), dan janganlah siapa-siapa menggunakan qiyas melainkan orang yang telah menghimpunkan alat yang boleh ia menjalankan qiyas dengannya. Alat itu ialah ilmu pengetahuan tentang hukum-hukum kitab Allah ‘Azza wa Jalla, iaitu fardhu dan adabnya, *nasakh* dan *mansūkhnya*, am dan khasnya. Tetapi tidak harus bagi seseorang menjalankan qiyas melainkan sehingga ia berkeadaan mengetahui sunnah-sunnah dan kata-kata ahli al-salaf, ijmak dan orang ramai dan pertelingkahan mereka, dan mengetahui dengan mahirnya bahasa Arab. Tiada boleh ia menjalankan qiyas melainkan sehingga dia berkeadaan sejahtera akalnya, dan sehingga ia dapat membezakan di antara perkara-perkara yang kesamaran. Janganlah ia beramal dengan qawl qiyas itu sebelum ia mengetahui kebenarannya. Janganlah ia menolak daripada mendengar alasan orang-orang yang tidak sefaham dengannya, kerana ia dengan mendengar itu akan sedar daripada kelalaian dan akan bertambah kuat pegangannya akan perkara-perkara yang diiktikadkannya benar itu. Selain itu ia berkewajipan berusaha dengan sehabis-habis dan upaya dan berlaku adil sehingga ia mengetahui dari mana terbitnya perkara yang diperkatakannya itu dan perkara yang ditinggalkannya itu.”

-*Risalah al-Shafi‘ī ft al-Uṣūl*, muka 70.

Daripada yang disebutkan itu kelihatan Imam Shafi‘ī menentang Imam Malik yang memakai dasar “*al-Maṣāliḥ al-Mursalih*”, dan menentang ahli-ahli mazhab Ḥanāfi yang memakai dasar “*al-istiḥsān*”.

Daripada fikiran-fikiran yang berdasarkan ilmu pengetahuan yang telah disebutkan oleh Imam Shāfi‘ī itu, dapatlah ia menentukan tempat perdiriannya iaitu dengan berdasarkan kaedah ilmu fikah (ilmu hukum agama) yang tidak pernah difikirkan terlebih dahulu daripada itu oleh pengatur undang-undang. Sanya tidak tersembunyi seperti yang pernah diterangkan bahawa pelayarannya ke Madinah, Yaman, Iraq dan Mesir telah nampak kesannya didalam pelajarannya dalam ilmu hadis, dan bahawa ia walaupun demikian didikannya tetapi ia tidak taksab kepada penduduk negeri-negeri yang tersebut itu. Oleh kerana yang demikian inilah ahli-ahli hadis lebih cenderung kepada Imam Shāfi‘ī, kerana ianya telah berleluasa menggunakan hadis dan beristidlal (berdalil) dengannya lebih daripada yang telah dilakukan oleh Imam Malik dan Abū Ḥanīfah, dan dihadkannya fikiran dan qiyas serta dipersempitkan kuasa keduanya pula sehingga kedapatan di antara penyokong-penyokong ialah Imam Aḥmad Bin Ḥanbal, Ishāk bin Rāhuwiyah dan lain-lainnya lagi dari golongan ahli-ahli hadis yang besar-besar.

Imam Shafi‘ī juga telah mendekati kaedah pengajaran ahli-ahli agama hijaz dan kaedah pengajaran ahli-ahli agama di Iraq, serta mengambil sikap memilih perkara-perkara yang dipandangannya benar dalam kedua kaedah tersebut. Dengan sikapnya yang demikian menjadikan banyak ulama Iraq yang bermazhab Ḥanāfi meninggalkan mazhab itu lalu menurut mazhab Shāfi‘ī.

Tentang kelebihan al-Shafi‘ī yang tersebut, al-Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī berkata:

“Adalah alim ulama sebelum Imam Shāfi‘ī terbahagi kepada dua pihak: Ahli-ahli hadis dan *aṣḥāb al-ra‘yu*. Adapun pihak ahli hadis maka mereka ini adalah lemah dalam perkara berbahas atau bermunazarah, dan lemah daripada menunjukkan kepalsuan jalan atau kaedah *aṣḥāb al-ra‘yu* (yakni pihak yang berleluasa menggunakan fikiran dalam menetapkan hukum-hukum agama). Maka ahli-ahli hadis yang demikian sifatnya tentulah tidak akan diharap daripada mereka sokongan

yang kuat bagi menegakkan Quran dan sunnah (kerana hujah-hujah mereka selalu sahaja ditepis oleh pihak lawan yang tersebut - P).

Adapun *aṣḥāb al-ra'yu*, maka usaha mereka yang bersungguh-sungguh adalah diarahkan dalam menetapkan hukum-hukum agama yang telah mereka ciptakan dengan fikiran mereka dan dengan fikiran juga mereka telah mengaturnya. Dalam masa kedua-dua pihak berkeadaan demikian, datanglah al-Shafi'ī, yang telah sedia mengetahui dengan sedalam-dalamnya akan usul al-fikah dan syarat-syarat al-istidlal (berdalil), selain daripada kelebihanannya iaitu sangat handal berbahas; maka banyaklah penyokong-penyokong *aṣḥāb al-ra'yu* telah berpaling tadah.

Imam al-Rāzī berkata lagi:

“Bahawa nisbah Imam Shafi'ī kepada ilmu “*Uṣūl al-Fiqh*” samalah seperti nisbah Aristotle kepada ilmu mantik, dan samalah seperti nisbah al-Khalīl Ibnu Aḥmad kepada ilmu *al-'urūd* (sejenis ilmu syair). Yang demikian itu ialah kerana orang ramai sebelum Aristotle menggunakan dalil atau memajukan bantahan ialah semata-mata menurut tabiat mereka yang sejahtera, tetapi mereka tidak mempunyai undang-undang yang menentukan kaifiat susunan had-had sempadan sesuatu perkara dan dalil-dalilnya. Maka tidak pelik kalau kedapatan kata-kata mereka mengelirukan dan berlaga-laga; oleh kerana tabiat semata-mata apabila tidak menggunakan undang-undnag mantik, jarang yang berjaya. Apabila Aristotle melihat keadaan yang demikian itu iapun mengasingkan diri daripada orang ramai dalam suatu peringkat masa lalu dia membentuk “ilmu mantik”. Dengan ilmu ini, ia telah menyediakan kepada orang ramai suatu undang-undang am yang menjadi tempat memeriksa (*muraja'ah*) pada mengetahui tertib had-had sempadan dan dalil-dalil yang menjadi bukti. Demikianlah pula ahli-ahli syair, dengan bersandarkan semata-mata rasa dan tabiat mereka, al-Khalil pun menyusun “ilmu *al-'urūd*” maka menjadilah ilmu itu suatu undang-undang am, pada mengenal

syair-syair yang bermutu tinggi dan yang rendahnya. Demikianlah halnya orang ramai sebelum Imam Shafi'ī radī Allāh 'anh, adalah mereka berbincang dalam masalah-masalah *uṣūl al-Fiqh* dan menggunakan dalil serta memajukan bantahan, tetapi tidak ada bagi mereka undang-undang am yang boleh menjadi tempat memeriksa pada mengetahui dalil-dalil syarak, dan kaifiat membandingkannya dan memilih yang lebih kuatnya. Imam Shafi'ī pun mencipta ilmu *uṣūl al-Fiqh*, dan dengan itu ia telah menyediakan bagi orang ramai undang-undang am yang menjadi tempat memeriksa bagi mengetahui martabat dalil-dalil syarak. Dengan usahanya itu, telah thabitlah bahawa nisbah Imam Shafi'ī kepada ilmu syarak samalah seperti nisbah Aristotle kepada ilmu akal. Selain itu sayogia juga diingat bahawa Imam Shafi'ī telah mengarang kitab “*al-Risālah*” di Baghdad, dan apakala ia balik ke Mesir, iapun sekali lagi mengulangi mengarang kitab “*al-Risālah*” itu. Tiap-tiap naskhah kitab itu (yakni naskhah Baghdad dan naskhah Mesir) adalah mengandungi ilmu yang banyak. Meskipun kemudian daripada itu, ahli-ahli agama telah mengarang dengan banyaknya di dalam ilmu *uṣūl al-Fiqh*, maka sebenarnya mereka semuanya adalah menjadi anak-anak Imam Shafi'ī di dalam ilmu itu, kerana Imam Shafi'īlah yang telah membuka pintu itu, dan kelebihan mendahului orang lain itu adalah terpulung kepada orang yang mula-mula telah berjaya mencapainya”. Demikian pandangan al-Rāzī kepada Imam al-Shafi'ī.

-bersambung.

-sambungan dari muka 18.

Janganlah berkeluh kesah, kesempatan masih ada, hanya berkehendak

Akhirnya mari kita tanya diri sendiri!

Di manakah tempat tegakku dan apakah tujuan hidup ini.

Saya tulis rencana ini semata-mata ikhlas bukan sahaja buat saudara J. Ahmad, tetapi buat kawan-kawan terutama anak-anak yang berselerak di tanah air, moga-moga hilanglah rasa ragu-ragu dan keliru, sekian *wa billāh al-tawfiq*.
Kaki gunung – 14.4.55 Saudaramu: Putera al-Ihya'.